

23 JAN 1998

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH JPM DIMINTA TUBUH JKP SEBELUM 7 FEB

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini memberi tempoh sehingga 7 Feb kepada kesemua 48 jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP).

Beliau memberi arahan itu pada mesyuarat dengan semua ketua jabatan di bawah JPM di sini.

"Objektif JKP ialah untuk mewujudkan satu pengurusan yang cekap, berdisiplin yang tidak dihantui oleh rasuah.

"Dalam sebuah negara yang dihantui oleh rasuah, sistem petadbirannya akan menjadi lemah dan itu akan menimbulkan ketidakadilan kepada masyarakat. Kita tak mahu itu berlaku di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam arahan Bilangan 1, Tahun 1998 telah memberi tempoh sebulan kepada Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan untuk menubuhkan JKP dalam usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

Dalam arahan setebal 50 muka surat itu, Perdana Menteri antara lain menggariskan kod etika kerja yang perlu ada bagi jabatan, tindakan pengesanan dan punitif kepada kakitangan yang terlibat dengan rasuah, jenis kawalan dalaman yang boleh diamalkan oleh jabatan bagi mencegah rasuah serta tindakan pemulihan terhadap jabatan terlibat.

Jawatankuasa itu perlu bermesyuarat setiap tiga bulan sekali dan membuat laporan kepada kementerian masing-masing, yang kemudiannya melaporkan pula kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- BERNAMA

AFY NMO